

PEMBUKAAN PERMOHONAN PROGRAM MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA-BUSINESS COLLABORATION (MyLAB) 2/2017, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Research And Innovation Management Centre

Sun 08/10/2017 1:19 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

📎 8 attachments

PEMBUKAAN PERMOHONAN MyLAB 2.2017.pdf; GARIS PANDUAN PERMOHONAN MyLAB 2.2017.pdf; LAMPIRAN A (SEKSYEN A) - MAKLUMAT UMUM MyLAB 2.2017.docx; LAMPIRAN A (SEKSYEN B) - MAKLUMAT PERMOHONAN MyLAB 2.2017.docx; LAMPIRAN A (SEKSYEN C) - MAKLUMAT TEKNIKAL PROJEK MyLAB 2.2017.docx; LAMPIRAN A (SEKSYEN D) - BORANG PERANCANGAN PERNIAGAAN MyLAB 2.2017.docx; LAMPIRAN B - BORANG RINGKASAN PERMOHONAN MyLAB 2.2017 (RMC).docx; LAMPIRAN C - SENARAI SEMAK PENGHANTARAN KERTAS CADANGAN MyLAB 2017.docx;



**Pusat Pengurusan
Penyelidikan dan Inovasi**
RESEARCH AND INNOVATION MANAGEMENT CENTRE
Universiti Utara Malaysia

8 Oktober 2017/17 Muharam 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

RIMC ONLINE :

Dipanjangkan permohonan dari Program Malaysia Laboratories For Academia - Business Collaboration (MyLAB), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi seperti berikut :

PEMBUKAAN PERMOHONAN PROGRAM MALAYSIA LABORATORIES FOR ACADEMIA - BUSINESS COLLABORATION (MyLAB) 2/2017, JABATAN PENDIDIKAN TINGGI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr. sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melancarkan projek Malaysia *Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLAB) sebagai langkah menyahut hasrat kerajaan untuk meningkatkan jaringan kolaborasi antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dengan sektor industri. Program MyLAB ini menyasarkan pertumbuhan teknologi dan inovasi tempatan serta pemindahan ilmu dan sumber secara sistematik.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Jabatan akan membuka permohonan *Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLAB) 2/2017 kepada semua Universiti Awam mulai **1 Oktober 2017 sehingga 29 Disember 2017**. Universiti Swasta dan Institut Penyelidikan boleh dijemput sebagai ahli kolaborasi projek oleh Ketua Projek.

4. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Permohonan Program *Malaysia Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLAB)** dan **Borang Permohonan MyLAB 2/2017** yang juga boleh dimuat turun daripada laman web *Malaysia Greater Research Network System* (MyGRANTS) <http://mygrants.gov.my/> bermula 1 Oktober 2017.

5. Setiap permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan **lima (5) salinan Borang Permohonan MyLAB 2/2017 yang lengkap (Lampiran A)** melalui pihak Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPT masing-masing. **Softcopy Borang Permohonan tersebut dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan** perlu disimpan di dalam (*compact disc / pendrive*) dan dihantar kepada urus setia MyLAB. Pihak RMC IPT juga perlu mengesahkan dan menghantar borang permohonan yang lengkap berserta **Borang Ringkasan Permohonan Projek (Lampiran B) dan Senarai Semak Penghantaran (Lampiran C)** sebelum atau pada **29 Disember 2017 (Jumaat)** melalui pos kepada alamat berikut:

Urus Setia MyLAB
Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT (BPKI)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA.
No. Tel: 03-8870 6952 / 8870 6954 / 8870 6956 / 8870 6000 samb. 4579
No. Faks: 03-8870 6867
E-mel : mylabbpki@mohe.gov.my

6. Kerjasama pihak YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr. adalah dimohon untuk membuat hebahan kepada kumpulan penyelidik di IPT masing-masing mengenai pembukaan permohonan MyLAB ini.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Prof./Prof. Madya/Dr. berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Cik Nurul Nadheerah Baharudin / En. Muhammad Muhaimin Yusoff / Pn. Juita Baba
Urus Setia MyLAB

Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT (BPKI)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya

No. Tel : 03 - 8870 6954/ 6956/ 8870 6000 ext. 4579
No. Faks : 03 - 8870 6867

=====
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC)
Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman
Tel.: (604) 928 4771 Faks: (604) 928 4756



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.